

HELAIAN MAKLUMAN PRODUK

[\(English Version\)](#)

Sila baca Helaiian Makluman Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon kemudahan pembiayaan **Sewa Beli Perindustrian** ("Produk") dengan Hong Leong Bank Bhd.

Informasi yang diberikan dalam PDS is hanya meliputi maklumat umum produk. Pastikan anda membaca terma-terma dan syarat-syarat muktamad yang akan ditetapkan di dalam surat tawaran dan perjanjian kemudahan.

Sila dapatkan penjelasan daripada pihak Bank sekiranya anda tidak memahami informasi yang dinyatakan dalam PDS ini.



Perbankan Perniagaan Dan Korporat

Sewa Beli Perindustrian (Kadar Tetap)

< **Tarikh** >

1. Apakah produk ini?

- Sewa Beli Perindustrian (Kadar Tetap) adalah kemudahan pembiayaan yang digunakan untuk membiayai pembelian peralatan atau jentera yang tidak disenaraikan dalam jadual pertama Akta Sewa Beli 1967 untuk tujuan penggunaan perniagaan dan / atau perindustrian.
- Kadar faedah yang dikenakan berdasarkan pada kadar yang tetap dan tetap tidak berubah selama tempoh pinjaman.

2. Apa yang saya perolehi dari produk ini?

▪ Jumlah pembiayaan	<RM xx >
▪ Tempoh pembiayaan	< xx tahun > Tempoh pinjaman berbeza bergantung kepada jenis peralatan / jentera yang dibiayai dimana secara umum adalah di antara 3 hingga 7 tahun.
▪ Kadar faedah pembiayaan / Caj terma	<xx%> Kadar tetap setahun. Kadar faedah pembiayaan antara 3.50% setahun sehingga 5.00% setahun. Kadar faedah pembiayaan yang perlu dibayar untuk setiap ansuran (juga dikenali sebagai 'Caj Terma') akan dikira berdasarkan kaedah kadar faedah rata seperti formula berikut: $\text{Caj jangka} = \text{Amaun yang dibiayai} \times \text{kadar faedah \%} \times \text{tempoh pinjaman (dalam tahun)}$
▪ Margin pembiayaan	Bergantung kepada jenis peralatan / jentera, dengan margin pembiayaan maksima sehingga 80%

Contoh:

- Jumlah pembiayaan : RM 160,000
 - Tempoh pembiayaan : 7 tahun / 84 bulan
 - Kadar faedah pembiayaan : 3.50% setahun (Kadar tetap)
 - Caj terma : RM 39,200
- Pengiraan caj terma adalah seperti berikut:**
Jumlah pembiayaan RM 160,000 x Kadar faedah pembiayaan 3.50% setahun x Tempoh pembiayaan (dalam tahun) 7 tahun
- Ansuran Bulanan : RM 2,372.00
- Pengiraan amaun ansuran bulanan adalah seperti berikut:**
$$\frac{\text{Jumlah pembiayaan RM 160,000} + \text{Caj terma RM 39,200}}{\text{Tempoh pembiayaan (dalam bulan) 84 bulan}}$$
- Jumlah pembayaran balik : RM 199,200
- Pengiraan jumlah pembayaran balik adalah seperti berikut:**
Jumlah pembiayaan RM 160,000 + Caj terma RM 39,200

Jadual di bawah menunjukkan jumlah faedah bulanan yang dikenakan, jumlah ansuran bulanan dan jumlah pembayaran balik berdasarkan contoh:

Bulan	Pembiayaan Asas (RM)	Kadar Faedah (RM)	Ansuran Bulanan (RM)	Baki Pembiayaan Asas (RM)	Baki Pinjaman (RM)
1	1,449.65	922.35	2,372.00	158,550.35	196,828.00
2	1,460.63	911.37	2,372.00	157,089.73	194,456.00
3	1,471.61	900.39	2,372.00	155,618.12	192,084.00
:	:	:	:	:	:
:	:	:	:	:	:
83	2,350.04	21.96	2,372.00	2,313.02	2,324.00
84	2,313.02	10.98	2,324.00	(0.00)	0.00

Nota: Sila ambil perhatian bahawa kadar faedah dan tempoh tertera di atas adalah indikatif sahaja. Jumlah pembiayaan, tempoh pembiayaan, kadar faedah dan kadar efektif yang muktamad tertakluk kepada kelulusan kriteria oleh pihak Bank dan mungkin berbeza daripada yang tertera di atas. Untuk maklumat muktamad pembiayaan sewa beli perindustrian (kadar tetap) yang ditawarkan, sila rujuk kepada surat perjanjian tawaran atau perjanjian sewa beli perindustrian.

3. Apakah kewajipan saya?

- Bayaran ansuran bulanan ialah < RM xx >
- Jumlah bayaran balik bagi tempoh < xx tahun > ialah < RM xx >
- Bayaran balik pinjaman untuk kemudahan Sewa Beli Perindustrian lazimnya dalam bentuk ansuran bulanan dengan jumlah ansuran tetap yang sama, di mana jumlah ansuran terdiri daripada prinsipal dan faedah (dikira berdasarkan kadar tetap).

4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

▪ Duti Setem	Seperti Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)
▪ Yuran Kemudahan	Tidak dikenakan untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)
▪ Yuran Tambahan	Segala caj tambahan dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan pembelian peralatan / jentera yang dikenakan ke atas Bank termasuk sekiranya invois adalah dalam mata wang asing, segala pembayaran tambahan yang dibayar kepada penjual peralatan / jentera yang disebabkan oleh turun naik kadar pertukaran mata wang.

Untuk senarai lengkap yuran dan caj Perbankan Perniagaan dan Korporat, sila layari laman web kami di www.hlb.com.my

5. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

NOTIS PENTING: Untuk maklumat lanjut, sila baca terma-terma dan syarat-syarat muktamad seperti yang ditetapkan di dalam surat tawaran dan perjanjian pembiayaan kemudahan

▪ Penalti Pembayaran Lewat	Sekiranya terdapat tunggakan / pembayaran lewat, Bank akan mengenakan 1.00% setahun (atau kadar lain*) pada jumlah tunggakan sehingga pembayaran jumlah tunggakan dijelaskan. *Nota: Pihak Bank akan mengeluarkan notis pemberitahuan kepada anda sebelum kadar baharu dikenakan.
▪ Kadar Kemungkiran	Sekiranya berlaku kemungkiran pembayaran (sama ada jumlah pinjaman asas atau faedah atau jumlah yang perlu dibayar kepada Bank, termasuk kemungkiran pembayaran apabila Bank telah membuat permintaan atau menarik balik kemudahan pinjaman), pihak Bank akan mengenakan 1.00% setahun sebagai tambahan kepada kadar yang ditentukan, dari tarikh tunggaka hingga waktu pembayaran dilakukan.
▪ Kos pembiayaan terganggu	Sekiranya berlaku prapembayaran atau kegagalan pengeluaran selepas notis pengeluaran, Kos Pembiayaan Terganggu (termasuk amaun faedah yang sebaliknya akan terakru pada Kadar Ditetapkan tolak amaun faedah yang Bank akan perolehi daripada pelaburan semula dalam pasaran wang) akan dibayar kepada Bank. Pengiraan Bank hendaklah disifatkan sebagai bukti prima facie bagi pampasan tersebut. (Terpakai hanya untuk Pinjaman Bertempoh Tetap)
▪ Hak Penolakan	Pihak Bank berhak untuk menolak selesai mana-mana baki kredit daripada mana-mana akaun anda dengan Bank kami untuk menjelaskan sebarang baki tertunggak sebagaimana yang dipersetujui dalam perjanjian kemudahan dan jika dikenakan, anda akan diberi notis pemberitahuan awal oleh pihak Bank.

<ul style="list-style-type: none"> ▪ Hak untuk memulakan proses pengambilan semula dan tindakan undang-undang 	<p>Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal memberi balasan kepada notis peringatan.</p> <p>Pihak Bank mempunyai hak untuk memulakan pemulihan (termasuk melantik pihak ketiga sebagai agensi pemungut hutang) dan prosiding undang-undang yang mungkin termasuk menarik balik peralatan / jentera yang dibiayai.</p> <p>Sekiranya peralatan / jentera anda ditarik semula, anda perlu menanggung semua kos berkaitan dengan penarikan semula. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang jumlah sekiranya terdapat kekurangan pembayaran balik daripada hasil penjualan peralatan / jentera anda.</p> <p>Nota: Tindakan undang-undang yang dikenakan ke atas anda akan menjejaskan tahap penarafan kredit anda, mengakibatkan kelulusan permohonan kemudahan kredit lebih sukar atau kadar faedah pinjaman lebih mahal.</p>
--	---

6. Bagaimana jika saya menjelaskan pinjaman sebelum tempoh matang?

- Tiada tempoh terkunci untuk kemudahan kredit ini.
- Untuk pembayaran awal sebahagian jumlah pembiayaan, jumlah yang telah dibayar tidak boleh dikeluarkan semula.

7. Adakah saya memerlukan insurans atau perlindungan takaful?

- Ya, perlindungan insurans / perlindungan takaful wajib untuk peralatan / jentera yang dicagarkan sebagai cagaran untuk pembiayaan kemudahan Sewa Beli Perindustrian (Kadar Tetap).
- Pihak Bank mengesyorkan anda mengambil polisi insurans am, dimana perlindungan insurans merangkumi semua risiko dan boleh digunakan untuk peralatan / jentera mudah alih atau tetap dari mana-mana syarikat insurans yang diterima oleh Bank.

8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat dalam butiran peribadi saya?

- Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan maklumat butiran peribadi untuk memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat peribadi anda, anda boleh mengunjungi mana-mana cawangan kami atau memaklumkan kami secara bertulis ke:

Hong Leong Bank Berhad, Commercial and SME Banking
 Alamat : Tingkat 9, Menara Hong Leong,
 No. 6, Jalan Damanlela Bukit Damansara 50490 Kuala Lumpur
 E-Mel : SME@hibb.hongleong.com.my

9. Dimana boleh saya mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat pembayaran balik, anda perlu menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pembayaran balik alternatif. Anda boleh menghubungi kami di:

Hong Leong Bank Berhad, Commercial and SME Banking
Alamat : Tingkat 9, Menara Hong Leong, No. 6, Jalan Damanlela Bukit Damansara 50490 Kuala Lumpur
No Telefon : 03-7661 7777
E-Mel : SME@hlbb.hongleong.com.my
Laman Web : www.hlb.com.my

- Untuk pilihan lain, anda juga boleh mendapatkan perkhidmatan:
 - a) Khidmat Nasihat Pembiayaan yang dirasmikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dengan kerjasama diantara Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) dan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) melalui MyKNP@CGC yang menyediakan khidmat nasihat dan cadangan kewangan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang gagal memperoleh kelulusan pembiayaan perniagaan dari institusi kewangan. Anda boleh menghubungi KNP di:

MyKNP@CGC Unit Khidmat Nasihat Kewangan CGC
Alamat : Pegawai penasihat KNP di mana-mana cawangan di seluruh negara. Untuk lokasi cawangan, sila rujuk kepada laman web CGC di <https://www.cgc.com.my/cgc-branches/?lang=my>

No Telefon : 03- 7880 0088
E-Mel : myknp@cgc.com.my
Laman Web : <https://www.bnm.gov.my/MyKNP>

- b) Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai platform setempat yang menyediakan perkhidmatan penstrukturan hutang, pendidikan kewangan dan nasihat kredit kepada individu dan juga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Alamat : Tingkat 8, Maju Junction Mall 1001, Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur
No Telefon : 03- 2616 7766
E-Mel : enquiry@akpk.org.my
Laman Web : <https://www.akpk.org.my/sme-help-desk>

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:

Advokasi Pelanggan
Alamat : Tingkat 13A, Menara Hong Leong, No 6, Jalan Damanlela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
No Telefon : 03-7626 8801 / 03-7626 8802 / 03-7626 8812
E-Mel : customerservice@hlbb.hongleong.com.my

- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di

Alamat : Blok D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur.
No Telefon : 1-300-88-5465
Faks : 03-2174 1515
E-Mel : bnmtelelink@bnm.gov.my

10. Dimana boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

- Jika anda memerlukan maklumat tambahan untuk kemudahan pembiayaan **Sewa Beli Perindustrian (Kadar Tetap)**, sila rujuk pada www.hlb.com.my

11. Produk lain dengan kemudahan yang serupa disediakan oleh Bank

- Pinjaman Berjangka

NOTIS PENTING

JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBAYAR ANSURAN BULANAN ANDA TEPAT PADA WAKTUNYA, BANK BERHAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG DAN MENGHALANG TEBUS ASET ANDA YANG DIBIYAI OLEH / DICAGARKAN KEPADA PIHAK BANK.

Maklumat yang diberikan dalam helaian makluman produk ini adalah sah pada <hh/bb/tt>